

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(11)

25 September 2012

**PEKELILING MAHASISWA**  
**BIL.6/2012**

**PENGECUALIAN KREDIT KURSUS BAHASA INGGERIS**  
**PROGRAM SARJANA MUDA, PENGAJIAN SEPARUH MASA**

Dimaklumkan bahawa keputusan Mesyuarat Pusat Pengajian Separuh Masa, *UTMSPACE* bersama Akademi Bahasa, UTM pada 18 April 2012 dan makluman lanjut daripada pihak pengurusan Akademi Bahasa pada 11 September 2012 bahawa Pengecualian Kredit Kursus Bahasa Inggeris adalah mengikut keputusan Mesyuarat Senat Bil.5/2006/2007 bertarikh 14 Februari 2007.

Pengecualian Kredit Bagi Kursus Bahasa Inggeris *English For Academic Communication* (UHB1412) Bagi Pelajar Lepasan Diploma UTM Mulai Sesi Kemasukan 2007/2008 telah menggariskan perubahan seperti berikut:-

Syarat	Kursus Bahasa Inggeris yang diberi <b>Pengecualian</b>	Kursus Bahasa Inggeris yang <b>Wajib Ambil</b>
Lulus serta mencapai <b>sekurang-kurangnya gred B dalam dua Kursus Bahasa Inggeris yang terakhir peringkat Diploma Universiti Teknologi Malaysia</b>	ULAB 1112 / UHB 1412 <i>English for Academic Communication</i> (2 kredit)	ULAB 2112 / UHB 2422 <i>Advanced English for Academic Communication</i> (2 kredit); dan ULAB 3xx2 / UHB 3xx2 Kursus elektif. Pelajar perlu pilih satu sahaja (2 kredit)

Jika pelajar mendapat **gred B-** ataupun **gred yang lebih rendah dalam mana-mana dua Kursus Bahasa Inggeris yang terakhir di peringkat Diploma Universiti Teknologi Malaysia, mereka tidak layak untuk memohon pengecualian kredit Kursus Bahasa Inggeris peringkat Sarjana Muda Universiti Teknologi Malaysia, dan seterusnya wajib mengambil 6 kredit iaitu 3 Kursus Bahasa Inggeris seperti pelajar-pelajar lain.**


Justeru, Cadangan Pengecualian Kredit Kursus Bahasa Inggeris Bagi Pelajar Ijazah Sarjana Muda Lepasan Diploma Universiti Teknologi Malaysia Mulai Kemasukan 2007/2008 akan terus terpakai bagi Program Sarjana Muda, Pengajian Separuh Masa, Univeriti Teknologi Malaysia. Oleh yang demikian, segala permohonan pengecualian kredit bagi kursus (mata pelajaran) *English for Academic Communication* (UHB 1412) mulai Sesi 2012/2013 akan terus menggunakan keputusan Mesyuarat Senat Bil.5/2006/2007 bertarikh 14 Februari 2007 tersebut. Segala syarat-syarat atau garis panduan lain permohonan pengccualian kredit yang bercanggah dengan keputusan Mesyuarat Senat Bil.5/2006/2007 adalah **TIDAK TERPAKAI**.

Segala permohonan pengecualian kredit bagi *English for Academic Communication* (UHB 1412) boleh terus dibuat kepada Pejabat Ketua Jabatan Program Luar, Akademi Bahasa, Universiti Teknologi Malaysia dan bukan melalui fakulti masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar



**PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS**

Pengarah

Pusat Pengajian Separuh Masa

*UTMSPACE*

s.k / Dekan, *UTMSPACE*

/ Ketua Jabatan Program Luar, Akademi Bahasa & Fakulti-Fakulti UTM

/ Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*